

BAB PERTAMA

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Aliran Nahu Kufah (Nahu Kufah) adalah salah satu daripada aliran nahu bahasa Arab yang terpenting. Tanpa Aliran Nahu Kufah, nahu bahasa Arab seperti yang dapat kita lihat pada hari ini, boleh dikatakan tidak akan lengkap dan sempurna. Di samping itu, sumbangan dan peranan tokoh-tokoh Aliran Nahu Kufah dalam pembentukan nahu bahasa Arab juga tidak boleh diperkecilkan dengan mengenyapkan mereka dalam lipatan sejarah.

Justeru, suatu kajian perlu dilakukan untuk melihat kesesuaian-kesesuaian yang ada pada aliran ini dengan tujuan untuk menginterpretasikannya ke dalam sistem pengajian bahasa Arab di negara ini. Seterusnya melalui kajian tersebut juga, kita berharap suatu formula dapat dirumus dan dirangka bertujuan untuk memudahkan suatu bentuk pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di negara ini.

1.2 Masalah

Kajian terhadap suatu aliran seperti Aliran Nahu Kufah ini bukanlah sesuatu yang mudah. Seperti yang diketahui umum, nahu bahasa Arab yang ada pada hari ini lebih banyak bersumberkan pendapat-pendapat daripada Aliran Nahu Basrah (Nahu Basrah) yang disokong dan diadunkan pula dengan pendapat daripada beberapa ulamak nahu yang terkemuka. Aliran Nahu Kufah jarang sekali mendapat

tempat dan sering diabaikan walaupun sebahagian daripada pendapatnya mempunyai hujah dan bukti yang kukuh.

Hal seperti ini berlaku kerana berpunca daripada beberapa masalah. Yang paling ketaranya ialah masalah bahan rujukan. Seperti yang akan dinyatakan dalam perbincangan yang akan datang, sumber rujukan Aliran Nahu Kufah amat terhad sekali. Jika pun wujud, sumber tersebut tidaklah begitu lengkap dan tersusun seperti yang dapat dilihat dalam Aliran Nahu Basrah.

Justeru, dalam kajian ini, penulis terpaksa menggunakan semaksimum mungkin bahan-bahan rujukan yang ada untuk mengenal pasti dasar-dasar, sumber-sumber dan ciri-ciri khusus yang ada pada Aliran Nahu Kufah. Penulis juga perlu memastikan setepat yang mungkin pendapat-pendapat yang cuba disampaikan oleh tokoh-tokoh aliran ini kerana kebanyakannya adalah berbeza daripada apa yang disampaikan oleh tokoh-tokoh Aliran Nahu Basrah dan ulamak-ulamak nahu yang lain khususnya dari aspek penggunaan istilah-istilah nahu.

Selain itu, kita juga sering berhadapan dengan pelajar-pelajar yang merungut kerana susah hendak memahami kaedah nahu bahasa Arab yang dipelajari. Pendekatan Nahu Basrah - yang banyak melibatkan unsur-unsur pentakwilan dan falsafah dalam kajian nahu - yang sebelum ini digunakan dengan begitu meluas dalam pengajaran nahu bahasa Arab di negara ini sebahagiannya dilihat tidak begitu sesuai dengan pemikiran dan budaya para pelajar khususnya orang-orang Melayu.

Oleh itu, suatu pendekatan yang lain perlu dicari sebagai alternatif untuk mengatasi masalah tersebut. Antaranya ialah pendekatan Aliran Nahu Kufah yang cuba ditonjolkan dalam kajian ini.

1.3 Hipotesis dan Objektif Kajian

Akibat daripada kekurangan bahan rujukan seperti yang disebutkan di atas tadi, banyak di kalangan kita termasuk para pelajar tidak menyedari tentang kewujudan Aliran Nahu Kufah ini. Dan jika pun sedar, mereka tidak mengetahui apakah yang dikatakan Aliran Nahu Kufah tersebut.

Justeru, penulis merasakan sudah sampai masanya suatu kajian perlu dilakukan untuk menyusun semula - walaupun mungkin tidak selengkapnya - teori-teori atau pendapat-pendapat yang telah dikemukakan oleh tokoh-tokoh Nahu Kufah dalam bentuk yang lebih mudah difahami, seterusnya mengeksploitaai sepenuhnya pendapat-pendapat tersebut untuk faedah kita semua terutamanya para pelajar.

Oleh itu, kajian ini didasarkan kepada beberapa objektif utama seperti berikut :-

- 1) Mengenal pasti pembentukan Aliran Nahu Kufah pada peringkat awal serta tokoh-tokoh yang mempeloporinya.

2) Menyusun semula aspek-aspek Aliran Nahu Kufah yang membezakannya daripada aliran-aliran nahu yang lain.

3) Membuat perbandingan antara Aliran Nahu Kufah dengan aliran-aliran nahu yang lain.

4) Melihat kesesuaian-kesesuaian yang ada pada Aliran Nahu Kufah untuk cuba mempraktikkannya ke dalam sistem pengajian bahasa Arab di Malaysia.

Perlu juga dijelaskan di sini, kajian ini tidak akan membincangkan sejauh manakah Aliran Nahu Kufah ini boleh diguna pakai atau sejauh manakah aliran ini telah diguna pakai dalam pengajian bahasa Arab di negara ini. Hal ini kerana perkara tersebut memerlukan kepada suatu kajian yang lebih menyeluruh dan terperinci. Kajian ini lebih merupakan cetusan idea ke arah matlamat tersebut.

1.4 Skop dan Kaedah Kajian

Skop kajian ini tertumpu kepada pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh ulamak-ulamak Aliran Nahu Kufah khususnya al-Farrā' - atas beberapa sebab yang akan dinyatakan selepas ini - ketika mereka membuat tafsiran terhadap ayat-ayat suci al-Quran dan juga bait-bait puisi daripada pemuisi-pemuisi yang diakui kefasihannya. Melalui tafsiran tersebutlah, teori-teori Nahu Kufah digarap dan disusun sehingga menjadi suatu aliran yang tersendiri dan mempunyai ciri-ciri yang tertentu.

Justeru, kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan iaitu dengan membuat rujukan terhadap buku-buku yang berkaitan. Sementara itu, hampir keseluruhan istilah dalam bahasa Arab akan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu yang terletak beriringan (dalam kurungan) dengan istilah asal dalam bahasa Arab. Cara ini bertujuan untuk memudahkan para pembaca khususnya yang tidak boleh menguasai bahasa Arab di samping untuk menjaga keaslian makna istilah tersebut. Dalam hal ini, kaedah transliterasi akan digunakan dan kaedah yang sama juga digunakan untuk nama orang, nama tempat, judul buku dan sebagainya.

1.5 Rangka Kajian

Rangka kajian ini adalah seperti berikut :-

Bab Pertama : Bab ini merupakan pengenalan kepada kajian yang akan dilakukan, iaitu berkait dengan masalah kajian, skop, objektif dan rangka kajian.

Bab Kedua : Bab ini menghuraikan tentang pembentukan Aliran Nahu Kufah pada peringkat awal, method yang digunakan dalam kajian bahasa dan tokoh-tokoh yang mempelopori aliran tersebut.

Bab Ketiga : Bab ini pula menjelaskan tentang dasar-dasar yang menjadi pegangan bagi Aliran Nahu Kufah, sumber-sumber rujukan, istilah-istilah dan ciri-ciri khusus yang ada pada aliran ini.

Bab Keempat : Dalam bab ini, kita akan melihat pula perbandingan antara Aliran Nahu Kufah dengan aliran-aliran nahu yang lain sama ada Aliran Nahu Basrah, Aliran Nahu Baghdad (Nahu Baghdad) dan Aliran Nahu Andalus (Nahu Andalus) khususnya pendapat-pendapat daripada Ibn Mālik.

Bab Kelima : Bab ini akan membicarakan ciri-ciri yang sesuai yang ada pada Aliran Nahu Kufah untuk diterapkan ke dalam sistem pengajian bahasa Arab di Malaysia. Semoga dengan penerapan tersebut akan memudahkan lagi pemahaman para pelajar dan seterusnya meningkatkan lagi penguasaan mereka dalam bahasa Arab.

Bab Keenam : Kajian ini akan diakhiri dengan sedikit rumusan yang akan disusuli pula dengan beberapa cadangan yang diharap dapat memberi kebaikan kepada semua pencinta bahasa Arab sama ada para pelajar, tenaga pengajar dan masyarakat keseluruhannya.

1.6 Penutup

Kajian ini diharap dapat memecah kebuntuan yang ada terutamanya di kalangan para pelajar tentang pemahaman mereka terhadap Aliran Nahu Kufah. Di samping itu, kajian ini juga diharap dapat menjadi pemangkin kepada usaha memajukan dan mempertingkatkan sistem pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di negara ini atau sekurang-kurangnya kajian ini mampu dijadikan sebagai salah satu bahan rujukan terpenting untuk tujuan tersebut.